

26

Penerapan Kaedah *Station Rotation* Dalam Pengajaran Pembezaan Untuk Meningkatkan Pelibatan Pelajar Dalam PdP

Sekolah Menengah Punggol



Julaiha Haron

julaiha_haron@schools.gov.sg

Abstrak

Setiap pelajar berbeza dari segi cara pembelajaran mereka. Maka itu, cara pengajaran dan pembelajaran (PdP) menjadi lebih efektif apabila guru secara proaktif merancang untuk menangani perbezaan pelajar (Tomlinson, 2013). Bagi menyokong keberkesanan penerapan Pengajaran Pembezaan (DI), kaedah *Station Rotation* dalam Pembelajaran Teradun (BL) digunakan. Dalam proses pembelajaran ini, pelajar bergerak dalam kumpulan kecil secara berpusingan dan menjalankan aktiviti kolaboratif secara dalam talian. Kaedah *Station Rotation* membolehkan guru memberi tumpuan dan menjalankan PdP bagi golongan pelajar yang berbeza kemahiran. Kaedah *Station Rotation* terbukti dapat menyokong pengajaran pembezaan sekaligus meningkatkan penglibatan dan motivasi pelajar terhadap pembelajaran Bahasa Melayu.

Kata Kunci: Pengajaran Pembezaan, *Station Rotation*, Pembelajaran Teradun, penglibatan pelajar



PENGENALAN

Pelibatan pelajar diakui secara meluas sebagai kritikal dalam proses pembelajaran dan merupakan kunci utama bagi memastikan keberkesanan pengajaran dan pembelajaran (PdP) di bilik darjah. Tanpa adanya pelibatan pelajar, pengajaran menjadi satu hala sahaja dan ini tidak memastikan pelajar memahami apa yang diajar oleh guru.

Menurut Dr Etienne Wenger (1998), pembelajaran yang bermakna dalam komuniti (CoP) memerlukan kedua-dua penyertaan dan retifikasi dalam interaksi. Berkongsi artifak tanpa melibatkan diri dalam perbincangan dan aktiviti di sekeliling, menjejaskan keupayaan untuk merundingkan maksud perkara yang dikongsi. Berinteraksi tanpa menghasilkan artifak pula akan menjadikan pembelajaran hanya bergantung pada tafsiran dan ingatan individu. Perkara ini boleh mengehadkan pemahaman secara mendalam. Kedua-dua penyertaan dan retifikasi perlu untuk memastikan pelajar dapat melalui pengalaman pembelajaran yang meluas dan mendalam.

PERNYATAAN MASALAH

Saiz kelas yang besar kadangkala menyebabkan guru mengalami kesukaran untuk memberi tumpuan kepada setiap golongan pelajar, terutama pelajar daripada golongan berkebolehan rendah. Kadangkala mereka menjadi terpercil dan tidak melibatkan diri dalam proses pembelajaran.

Selain itu, dalam sebuah kelas yang *heterogenous*, latar belakang pembelajaran pelajar berbeza antara satu dengan yang lain. Ada yang lebih mahir dari segi penguasaan bahasa dan ada yang memerlukan bantuan yang lebih fokus. Ada juga pelajar yang secara luar biasa lebih berkeyakinan dan vokal berbanding dengan mereka yang lebih pendiam. Perkara ini menyumbang kepada kurangnya pelibatan diri bagi golongan pelajar yang lemah dan pendiam dalam proses pembelajaran kerana mereka mungkin tidak selesai mengajukan atau menjawab soalan kerana kurang berkeyakinan.

Oleh itu, DI diterapkan pengkaji untuk membantu mengatasi masalah ini. Namun, kebiasaannya DI yang sering dilakukan sekadar pembezaan dari segi jenis tugasan dan nota yang diberikan. Cara ini tidak menunjukkan pendekatan DI pendekatan DI yang berkesan. Sekiranya guru dapat mengumpulkan pelajar ke dalam kumpulan kecil mengikut keupayaan keupayaan mereka,

lebih banyak tumpuan dapat diberikan secara khas untuk menambah nilai dan mempertingkatkan prestasi dan keyakinan setiap kumpulan pelajar dalam pembelajaran mereka.

OBJEKTIF KAJIAN

Tujuan kajian ini adalah untuk:

1. menguji keberkesanan kaedah '*Station Rotation*' dalam menyokong pengajaran pembezaan; dan
2. meningkatkan tahap penglibatan pelajar dalam proses pembelajaran.

KAJIAN LEPAS

Menurut Tomlinson (1999), DI merupakan pendekatan yang teratur dan fleksibel dalam menyesuaikan PdP supaya dapat memberikan respons yang membolehkan pelajar mencapai potensi mereka. Pendidik boleh menyediakan pembezaan menerusi isi kandungan, proses atau produk. Guru boleh memahami profil pelajar dan menyediakan bahan-bahan pembelajaran yang sesuai dengan kemahiran mereka.

Melalui pelaksanaan pendekatan Pembelajaran Teradun (*Blended Learning*), pelajar dapat belajar menggunakan gabungan teknologi secara bersemuka di dalam bilik darjah. Ramai guru juga terbiasa dengan Pembelajaran Berbalik (*Flipped Learning*) yang merupakan salah satu kaedah di bawah naungan Pembelajaran Teradun. BL juga merangkumi strategi *Rotation model*, yang merangkumi kaedah *Station Rotation*, *Lab Rotation* dan *Individual Rotation*.

Menurut Caitlin R Tucker (2020), penerapan kaedah *Station Rotation* sesuai apabila guru ingin memberi fokus secara langsung kepada pelajar dalam kumpulan kecil. Kaedah ini sesuai untuk meningkatkan pelibatan dan membolehkan pelajar melibatkan diri dengan maklumat dengan cara-cara yang berbeza. Tambahan, *Station Rotation* dapat menyokong pembelajaran pembezaan seperti yang diperkenalkan Tomlinson kerana bentuk tugasan berbeza diberikan kepada pelajar yang berbeza keupayaannya.



KAEDAH KAJIAN

Subjek Kajian

Subjek kajian terdiri daripada pelajar Menengah 2 aliran Ekspres, Normal Akademik (NA) dan Normal Teknikal (NT) yang merupakan Kumpulan Berasaskan Subjek (SBB) dan mengambil Bahasa Melayu aliran Ekspres. Jumlah keseluruhan pelajar yang terlibat ialah 27 orang yang mempunyai tahap keupayaan yang pelbagai – keupayaan tahap tinggi, sederhana dan rendah.

Instrumen Kajian


Kajian ini menggunakan kaedah kuantitatif dan kualitatif. Dapatan kajian diambil berdasarkan maklum balas dan penilaian sendiri pelajar.

Prosedur Kajian


Kajian ini telah dijalankan sepanjang setahun. Sebanyak enam pusingan dijalankan sepanjang dua penggal. Setiap sesi mengambil masa selama satu jam dua puluh minit.

Pelajar dibahagikan kepada tiga kumpulan kecil mengikut tahap kebolehan mereka. Kumpulan G1, pelajar berkebolehan rendah (LA), kumpulan G2, pelajar berkebolehan sederhana (MA) dan kumpulan G3, pelajar berkebolehan tinggi (HA). Struktur bilik darjah juga disusun atur berdasarkan jenis '*Station*' untuk memudahkan pelaksanaan PdP seperti yang tertera dalam Rajah 1 berikut.


Rajah 1: Aturan Kumpulan Dalam Kelas



Rajah 2: Contoh Susunan Kumpulan Dalam Kelas



Rajah 3: Contoh Pergerakan Kumpulan Kecil




Bagi aktiviti yang dilaksanakan di Stesen Guru, pelajar akan melakukan tugas berpandukan guru. Pada masa ini, guru juga berpeluang memberi maklum balas kepada pelajar secara individu berdasarkan tugas DI yang telah diselesaikan. Pelajar dapat meluahkan ketidakpastian dengan lebih selesa dalam kumpulan kecil.

Di Stesen Individu, pelajar akan menggunakan komputer riba untuk menyelesaikan tugas dalam talian. Tugas DI ini boleh dibezakan berdasarkan tahap kebolehan pelajar. Guru juga boleh menyediakan pelbagai bentuk tugas dalam talian (contohnya, kuiz Kahoot, permainan Wordwall, tugas sendiri di SLS) untuk diselesaikan pelajar.

Di Stesen Berkumpulan pula, pelajar akan melakukan tugas secara berkolaboratif untuk menyelesaikan tugas yang diberikan. Pada masa ini, pelajar berpeluang berbincang dan bertukar-tukar pendapat antara satu sama lain. Rajah 4 berikut menunjukkan peta reka bentuk bagi aktiviti dan model bagi *Station Rotation*.

Rajah 4: Pengalaman Pembelajaran *Station Rotation*




DAPATAN KAJIAN DAN PERBINCANGAN

Selepas kajian dijalankan, dapatan kajian menunjukkan peningkatan yang memberangsangkan dari segi penglibatan pelajar. Dalam Rajah 5 berikut, dapatan menunjukkan lebih daripada 80% pelajar gemar cara pembelajaran *Station Rotation*.


Pelajar mendapati bahawa aktiviti *Station Rotation* memberi peluang kepada mereka untuk bukan sahaja terlibat secara aktif dalam semua aktiviti yang disediakan di setiap stesen, malah dapat juga belajar sendiri di samping dibimbing guru bagi bahagian yang dirasakan sukar pada masa tertentu. Ini membantu meningkatkan keyakinan pelajar untuk giat berusaha memahami kandungan pelajaran dan mempertingkatkan pemahaman mereka sama ada menerusi pembelajaran sendiri atau secara berkolaborasi dengan rakan sebaya. Persekitaran yang kondusif juga membantu menimbulkan keadaan yang selesa untuk pelajar belajar.

Rajah 5: Maklum Balas Pelajar Mengenai Station Rotation




Dalam Rajah 6 pula, sebanyak 61% pelajar berpendapat bahawa cara pembelajaran ini dapat membantu mereka belajar dengan lebih fokus. Menurut dapatan kualitatif maklum balas pelajar, antara sebab pelajar berpendapat sedemikian adalah kerana mereka dapat bertukar-tukar idea dan berkomunikasi dengan rakan-rakan mereka semasa melalui proses pembelajaran *Station Rotation*. Para pelajar juga mengatakan bahawa mereka dapat mempelajari maklumat dan perkataan baharu daripada rakan yang lain. Dalam kumpulan kecil itu juga, mereka lebih terdorong untuk bertanya soalan antara satu sama lain berbanding jika berada dalam kelas yang besar.

Rajah 6: Maklum Balas Pelajar Untuk Cara Pembelajaran




Rajah 7: Maklum Balas Pelajar untuk Stesen Aktiviti




Setelah melalui enam pusingan pembelajaran berasaskan *Station Rotation*, pelajar sudah terbiasa dengan rutin dan hasil pembelajaran yang perlu dicapai di setiap stesen. Sebelum pembelajaran *Station Rotation*, pelajar juga diberikan kertas lampiran yang telah disertakan arahan-arahan yang perlu dituruti. Tugasan yang diberikan juga telah dibezakan berdasarkan tahap kebolehan pelajar. Rajah 7 menunjukkan hampir kesemua pelajar memberikan maklum balas bahawa mereka jelas akan tugas-tugas yang perlu dilengkapkan di setiap stesen untuk membantu dalam pembelajaran mereka.

Rajah 8: Maklum Balas Pelajar Mengenai Pilihan Stesen



Berdasarkan data kuantitatif pada Rajah 8 pula, 61% pelajar amat gemar berada di stesen guru. Berdasarkan maklum balas yang diberikan, pelajar berpendapat sedemikian kerana mereka mempunyai masa yang fokus bersama guru dalam kumpulan kecil. Pelajar meluahkan bahawa mereka berpeluang bertanyakan lebih banyak soalan dan mereka lebih



selesa melibatkan diri dalam soal jawab bersama guru semasa berada dalam kumpulan kecil. Perkara ini tidak dapat dilihat apabila pembelajaran diadakan secara kelas besar. Ini kemungkinan ada kumpulan pelajar yang berasa malu untuk mengutarakan soalan kepada guru atau tidak pasti apakah jawapan kepada soalan-soalan yang diperlukan untuk mereka memahami isi kandungan pengajaran tersebut.

CADANGAN

Dengan bermulanya hari pembelajaran di rumah (HBL) sekitar setiap dua minggu, kaedah *Station Rotation* ini boleh juga diterapkan dalam talian. Kaedah *Virtual Station Rotation* seperti yang dicadangkan Caitlin R Tucker (2020), boleh dilakukan untuk menyokong DI semasa pengajaran dilakukan dalam talian.

Selain itu, disebabkan keterbatasan masa di dalam kelas, mungkin pengajaran berasaskan kaedah *Station Rotation* ini boleh diadakan sepanjang dua hari. Cara ini dapat memastikan pelajar mempunyai masa yang cukup untuk menyelesaikan tugas yang diberikan dan juga maklum balas dapat diberikan dengan lebih teliti.

Akhir sekali, guru boleh menjadi fasilitator semasa kaedah *Station Rotation* ini dijalankan. Stesen guru boleh digantikan dengan stesen individu (*offline*) yang memerlukan pelajar untuk melakukan tugas secara bertulis. Dengan tiadanya stesen guru, guru boleh bergerak dari seorang pelajar kepada pelajar yang lain untuk memberikan panduan dan juga maklum balas yang lebih fokus dan khas kepada pelajar tersebut.

KESIMPULAN

Dapatan kajian ini menunjukkan bahawa intervensi ini berjaya. Namun, penerapan rutin dan persiapan awal oleh pihak guru memainkan peranan yang amat penting untuk memastikan kaedah *Station Rotation* ini dapat dilaksanakan dengan lancar.

Berdasarkan dapatan daripada analisis data melalui renungan peribadi dan borang tinjauan yang dijalankan pada akhir kajian ini, didapati pelajar selesa dengan kaedah pengajaran *Station Rotation* kerana ia membantu meningkatkan pelibatan dan merangsang pembelajaran pelajar.

RUJUKAN

- Caitlin R Tucker, T. W. (2016). *Blended Learning in Action: A Practical Guide Toward Sustainable Change*. Corwin.
- Tomlinson, Carol A. *How to differentiate Instruction in Mixed-Ability Classrooms*. Alexandria, Va.: Association for Supervision and Curriculum Development, 1995
- Tucker, C. R. (2020). *The On-Your-Foot Guide to Blended Learning: Station Rotation*. Corwin.
- Wenger, E. (1998). *Communities of Practice : Learning, Meaning Identity*. Cambridge University Press.